



25 JUN, 2021

FAMA bantu dua sahabat pasarkan pisang berangan

Utusan Malaysia, Malaysia

FAMA bantu dua sahabat pasarkan pisang berangan

Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA NERANG: Keluhan dua sahabat yang kerugian kerana tidak dapat memasarkan pisang berangan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh pada awal bulan ini mendapat perhatian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Pengarah FAMA Kedah, Isa Hamzah berkata, pihaknya menawarkan kepada Mohd. Azlan Abdul Manaf dan Azmir Abd. Rahman yang masing-masing berusia 37 tahun untuk menyer-



ISA HAMZAH

tai program Ladang Kontrak.

“Kedua-dua mereka bersetuju untuk menyertai program ini dan FAMA akan membantu mereka memasarkan pisang berangan yang diusahakan.

“Kita akan bantu mereka mencari dan mengatur tempat untuk memasarkan hasil pertanian tersebut.

“Sebelum ini, mereka tidak menghubungi FAMA untuk kita bantu pasarkan tanaman berkenaan dan saya harap masalah dihadapi mereka selesai,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Dalam pada itu, menurut Isa, FAMA menerusi Pusat Operasi Alor Setar dan Pejabat FAMA Daerah Pokok Sena dan Padang Terap telah mengatur kaedah pemasaran hasil pertanian tanaman pisang seluas 11.58 hektar membabitkan lapan peserta berdaftar di bawah program Ladang Kontrak.

Utusan Malaysia pada 22 Jun lalu melaporkan dua sahabat dari Kampung Belimbing Kiri di sini terpaksa menanggung kerugian hampir RM10,000 apabila tidak dapat memasarkan tanaman pisang diusahakan mereka berikutan PKP Penuh sejak awal bulan ini.

Tanggung rugi pisang tidak dapat dijual

PADANG TERAP: Dua sahabat dari Kampung Belimbing Kiri, Kuala Nerang di sini terpaksa menanggung kerugian hampir RM10,000 apabila tidak dapat memasarkan buah pisang yang ditanam berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Kedua-dua tersebut didakwa berlaku apabila pemborong dari Pulau Pinang dan Perlis serta beberapa daerah di negeri ini tidak datang membeli pisang tersebut dalam tempoh PKP ini.

Mohd. Azlan Abdul Manaf, 37, dan Azmir Abd. Rahman, 37, dari Kampung Belimbing Kiri, Kuala Nerang di sini mengusahakan tanaman pisang berangan seluas kira-kira dua hektar.

Menyusut Mohd. Azlan, kebun milik mereka itu dapat menghasilkan nisbah sebanyak 400



SEBAGIAN buah pisang yang tidak dapat dijual di Kampung Belimbing Kiri, Kuala Nerang, Padang Terap, Kedah. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

toni selepas itu terpaksa memasarkan sendiri buah tersebut untuk mengurangkan kerugian.

Sebelum ini mereka menjual buah pisang tersebut dengan harga

semasa PKP sekarang dijual pada harga RM1.80 seketogram. Azmir pula memberitahu, mereka mengusahakan tanaman pisang ini dengan berkesan.

UTUSAN Malaysia
22 Jun 2021.



25 JUN, 2021

FAMA bantu dua sahabat pasarkan pisang berangan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Utusannews@mediamulia.com.my KUALA NERANG: Keluhan dua sahabat yang kerugian kerana tidak dapat memasarkan pisang berangan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh pada awal bulan ini mendapat perhatian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).Pengarah FAMA Kedah, Isa Hamzah berkata, pihaknya menawarkan kepada Mohd. Azlan Abdul Manaf dan Azmir Abd.